

**SULIT**

**SOALAN NO. 122**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN [ PERTANYAAN DI BAWAH PM.22(5) ]**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR WAN  
AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Perdana Menteri menyatakan butiran projek-projek dan jumlah peruntukan bagi setiap pengumuman oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan setiap anggota Kabinet Kerajaan Persekutuan semasa Pilihanraya Negeri Sarawak yang ke 11.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 409 projek/program melibatkan peruntukan berjumlah 792.34 juta telah diluluskan bagi negeri Sarawak. Program/projek yang diluluskan ini terdiri daripada pelbagai jenis projek pembangunan infrastruktur awam dan asas seperti pembinaan akses kepada masyarakat iaitu jambatan dan membina baru/menaik taraf jalan, projek bekalan air luar bandar, pembinaan sekolah, masjid, gelanggang sukan, balai raya, dewan masyarakat dan sebagainya serta pelaksanaan pelbagai program sosial kemasyarakatan dan pendidikan.

Penyediaan peruntukan ini adalah bagi memastikan negeri Sarawak terus menikmati pembangunan yang seimbang dengan lain-lain kawasan dan memenuhi keperluan masyarakat setempat. Program/projek yang diluluskan akan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.